



Seksyen 1
Penilaian Ekonomi

Bab
SATU

Ekonomi
Malaysia

Bab SATU | Ekonomi Malaysia

Ekonomi Malaysia terus menunjukkan daya tahan yang teguh dalam menghadapi pelbagai rintangan dengan mencatatkan pertumbuhan yang sederhana sebanyak 4.7% pada tahun 2018 (2017: 5.7%). Beberapa cabaran dari dalam dan luar negeri, sebahagiannya disebabkan oleh ketegangan perdagangan global dan pertukaran pucuk pimpinan Kerajaan telah menjejaskan pertumbuhan KDNK keseluruhan. Selain itu, gangguan bekalan telah menjejaskan aktiviti dalam sektor perlombongan dan pertanian, serta eksport komoditi, seterusnya mengakibatkan pertumbuhan yang lebih sederhana daripada jangkaan awal.

Dalam ketidakpastian landskap ekonomi, prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia kekal pesat pada tahun 2019 dengan KDNK keseluruhan diunjurkan berkembang sebanyak 4.7%. Permintaan dalam negeri yang berdaya tahan akan terus memacu pertumbuhan, terutamanya perbelanjaan isi rumah berikutan pasaran pekerja yang stabil dan inflasi yang rendah. Daya tahan ekonomi akan disokong oleh struktur ekonomi yang pelbagai, asas makroekonomi yang mantap dan sistem kewangan yang kukuh.



PRESTASI PADA TAHUN 2018

Ekonomi Malaysia berkembang lebih sederhana pada kadar 4.7% pada tahun 2018 (2017: 5.7%). Pertumbuhan tersebut terus dipacu oleh permintaan dalam negeri dan disokong terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta. Sementara itu, eksport bersih meningkat semula pada tahun 2018 apabila pertumbuhan eksport benar mengatasi import benar.

Penggunaan swasta mencatatkan pertumbuhan terpantas sejak tahun 2012 pada kadar 8.0% (2017: 6.9%). Pendapatan dan keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan terus merangsang perbelanjaan isi rumah dengan perbelanjaan ini turut didorong oleh pelepasan cukai selama tiga bulan (1 Jun - 31 Ogos 2018) berikutan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (*Goods and Services Tax, GST*) pada kadar sifar serta langkah-langkah Kerajaan yang lain seperti harga runcit petrol RON95 yang stabil dan bayaran khas kepada penjawat awam dan pesara.

Pelaburan swasta berkembang pada kadar yang lebih perlahan iaitu sebanyak 4.3% (2017: 9.0%) berikutan ketidakpastian yang meningkat akibat perkembangan di dalam dan luar negeri. Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat khususnya dalam sektor berorientasikan eksport, terus meningkatkan kapasiti pengeluaran dan menambah baik kecekapan bagi memenuhi permintaan.

Penggunaan awam berkembang dengan lebih sederhana pada kadar 3.3% (2017: 5.5%) disebabkan pertumbuhan perbelanjaan emolumen serta bekalan & perkhidmatan yang lebih perlahan, sejajar dengan komitmen Kerajaan untuk berbelanja mengikut keutamaan.

Pelaburan awam merosot sebanyak 5.0% pada tahun 2018 (2017: 0.3%), terutamanya disebabkan oleh perbelanjaan yang lebih rendah oleh syarikat awam berikutan projek besar dalam industri minyak & gas hiliran serta utiliti yang hampir siap. Perbelanjaan modal oleh Kerajaan Persekutuan adalah lebih tinggi pada tahun 2018, disokong oleh perbelanjaan berterusan dalam infrastruktur pengangkutan, utiliti awam dan pembangunan pertanian & luar bandar.

Jadual 1.1: KDNK Benar mengikut Perbelanjaan (harga malar tahun 2015)

	2017	2018 ^a	1H 2019 ^p	2019 ^a
	Pertumbuhan tahunan (%)			
Permintaan Dalam Negeri ¹	6.5	5.5	4.5	4.0
Perbelanjaan Sektor Swasta	7.4	7.1	6.1	5.6
Penggunaan	6.9	8.0	7.7	6.8
Pelaburan	9.0	4.3	1.2	1.5
Perbelanjaan Sektor Awam	3.4	0.1	-2.1	-1.8
Penggunaan	5.5	3.3	3.2	2.0
Pelaburan	0.3	-5.0	-11.3	-8.1
Eksport Bersih Barangan dan Perkhidmatan	-3.9	11.4	16.0	14.5
Eksport	8.7	2.2	0.1	-0.4
Import	10.2	1.3	-1.8	-2.1
KDNK Benar	5.7	4.7	4.7	4.7

¹Tidak termasuk stok

p: permulaan a: anggaran berdasarkan Belanjawan 2020 oleh Kementerian Kewangan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Buletin Suku Tahunan BNM S2 2019

Dari segi **penawaran**, kebanyakan sektor ekonomi terus berkembang kecuali sektor berkaitan komoditi. Pemacu utama pertumbuhan kekal daripada sektor perkhidmatan dan pembuatan. Namun, sektor pertanian mencatatkan pertumbuhan yang marginal berikutan keadaan cuaca yang buruk, manakala gangguan bekalan dalam pengeluaran gas asli menyebabkan penguncupan dalam pertumbuhan sektor perlombongan.

Dengan keadaan pasaran pekerja secara amnya stabil dan kekal menggalakkan pada tahun 2018, kadar pengangguran kekal pada 3.3% (2017: 3.4%) berikutan pertambahan guna tenaga selaras dengan peningkatan tenaga kerja.

Jadual 1.2: KDNK Benar mengikut Sektor Ekonomi (harga malar tahun 2015)

	2017	2018 ^p	1H 2019 ^p	2019 ^a
	Pertumbuhan tahunan (%)			
Pertanian	5.7	0.1	4.9	4.3
Perlombongan & Pengkuarian	0.4	-2.6	0.3	0.6
Pembuatan	6.0	5.0	4.2	4.0
Pembinaan	6.7	4.2	0.4	1.7
Perkhidmatan	6.2	6.8	6.3	6.1
KDNK Sebenar	5.7	4.7	4.7	4.7

p: permulaan a: anggaran berdasarkan Belanjawan 2020 oleh Kementerian Kewangan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Buletin Suku Tahunan BNM S2 2019

Inflasi keseluruhan menjadi sederhana kepada 1.0% (2017: 3.7%), terutamanya mencerminkan kesan harga runcit bahan api yang stabil dan pelaksanaan GST pada kadar sifar yang telah mengimbangi tekanan kos menaik yang masih wujud pada sebahagian tahun 2018.

Jadual 1.3: Kadar Inflasi dan Pengangguran

	2017	2018 ^p	2019 ^a
	Pertumbuhan tahunan (%)		
Kadar Inflasi			
Indeks Harga Pengguna (2010 = 100)	3.7	1.0	0.9
Indeks Harga Pengeluar (2010 = 100)	6.7	-1.1	-
Kadar Pengangguran	3.4	3.3	3.3

p: permulaan a: anggaran
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Belanjawan 2020 oleh Kementerian Kewangan

Jadual 1.4: Imbangan Pembayaran

	2017	2018 ^p	1H 2019 ^a	2019 ^a
	RM bilion			
Akaun Semasa	38.3	30.6	30.6	43.4
% daripada PNK	2.9	2.2	4.3	2.9
Barangan	117.1	119.2	62.0	131.0
Perkhidmatan	-22.9	-17.7	-5.3	-21.1
Pendapatan Primer	-38.7	-51.6	-15.7	-45.3
Pendapatan Sekunder	-17.3	-19.3	-10.4	-21.2
Akaun Kewangan	-4.7	18.6	-32.4	-
Pelaburan Langsung	16.2	11.3	8.0	-
Aset	-24.2	-23.3	-18.4	-
Liabiliti	40.4	34.6	26.4	-
Pelaburan Portfolio	-15.4	-44.4	-8.1	-
Derivatif Kewangan	-0.2	1.0	-0.7	-
Pelaburan Lain	-5.3	50.7	-31.6	-
Kesilapan dan Ketinggalan Bersih	-17.1	-41.3	5.9	-
Imbangan Keseluruhan (lebih + / defisit -)	16.4	7.8	4.1	-
Rizab Antarabangsa BNM Bersih (RM bilion)	414.6	419.5	-	-
Rizab Antarabangsa BNM Bersih (USD bilion)	102.4	101.4	-	-
Rizab sebagai Bilangan Bulan Import Tertanggung	7.2	7.4	-	-

p: permulaan a: anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Laporan Tahunan BNM 2018 dan Belanjawan 2020 oleh Kementerian Kewangan

Dalam menghadapi pelbagai rintangan dalam persekitaran ekonomi global, prestasi **sektor luaran** Malaysia masih berdaya tahan pada tahun 2018. Akaun semasa imbangan pembayaran terus berada dalam keadaan lebih memandangkan defisit pendapatan telah lebih daripada diimbangi oleh lebih barangan yang agak besar dan defisit perkhidmatan yang lebih kecil. Paras rizab antarabangsa terus menjadi penampakan utama terhadap sebarang potensi kejutan luaran.



PROSPEK PADA TAHUN 2019

Tahun 2019 adalah tegang memandangkan dinamisme ekonomi global terjejas oleh kelembapan dalam sektor pembuatan dan perdagangan global berikutan ketegangan perdagangan dan geopolitik yang terus meningkat. Tambahan lagi, ketidaktentuan yang berterusan mengenai Brexit, tarif tambahan yang dikenakan oleh Amerika Syarikat ke atas import dari China serta gangguan rantai bekalan teknologi telah meningkatkan sentimen pasaran yang tidak menentu. Berlatarkan kekangan ini, *World Economic Outlook* (WEO) terkini yang dikeluarkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF) pada 15 Oktober 2019 telah membuat semakan menurun terhadap prospek pertumbuhan bagi tahun 2019 buat kali keenam sejak Julai 2018. Pertumbuhan pada tahun 2019 telah disemak semula dengan menurunkan kadar pertumbuhan kepada 3.0% (WEO Julai'19: 3.2%), iaitu pertumbuhan paling perlahan sejak krisis kewangan global yang berlaku pada 2008-2009. Dengan aktiviti global yang secara umumnya masih lemah dan prospek kekal tidak menentu, risiko kepada prospek pertumbuhan cenderung untuk meningkat berpunca daripada potensi peningkatan ketegangan perdagangan dan geopolitik, kelemahan kewangan yang semakin meningkat dan perubahan iklim yang tidak menentu.

Jadual 1.5: *World Economic Outlook* (WEO) oleh IMF pada Oktober 2019

	2018 ^p	2019 ^a	2020 ^r
Output Dunia	3.6	3.0	3.4
Ekonomi Maju	2.3	1.7	1.7
Amerika Syarikat	2.9	2.4	2.1
Kawasan Euro	1.9	1.2	1.4
Jepun	0.8	0.9	0.5
United Kingdom	1.4	1.2	1.4
Ekonomi Sedang Pesat Membangun dan Ekonomi Membangun	4.5	3.9	4.6
Asia Sedang Pesat Membangun dan Asia Membangun*	6.4	5.9	6.0
China	6.6	6.1	5.8
India	6.8	6.1	7.0
ASEAN-5**	5.2	4.8	4.9
Eropah Sedang Pesat Membangun dan Eropah Membangun	3.1	1.8	2.5
Amerika Latin dan Caribbean	1.0	0.2	1.8
Timur Tengah dan Asia Tengah	1.9	0.9	2.9
Jumlah Perdagangan Dunia (barangan dan perkhidmatan)	3.6	1.1	3.2

p: permulaan a: anggaran r: ramalan

* China, India, Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand & Vietnam

** Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand & Vietnam

Sumber: *World Economic Outlook* (WEO) oleh IMF, Oktober 2019

Dalam persekitaran global yang mencabar, **ekonomi Malaysia** dijangka mengekalkan momentum pertumbuhannya, iaitu berkembang sebanyak **4.7% pada tahun 2019**. **Permintaan dalam negeri** akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan, dijangka berkembang sebanyak 4.0% pada tahun 2019. Penggunaan swasta juga dianggarkan terus berkembang sebanyak 6.8%, disokong oleh pertumbuhan upah yang berterusan dan prospek guna tenaga yang menggalakkan. Perbelanjaan isi rumah akan terus meningkat dengan kenaikan kadar gaji minimum, pindahan tunai, pengembalian cukai pendapatan dan kos pinjaman yang lebih rendah.

Aktiviti **pelaburan swasta** dijangka mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan iaitu sebanyak 1.5% pada tahun 2019, mencerminkan permintaan luaran dan kadar penggunaan kapasiti yang lebih rendah, terutamanya dalam industri yang berorientasikan eksport. Sesetengah pelabur kekal berhati-hati pada separuh pertama tahun 2019, namun pelaburan dijangka meningkat pada separuh kedua tahun 2019, selaras dengan Statistik Kecenderungan Perniagaan yang menjangkakan prestasi perniagaan yang lebih menggalakkan semasa tempoh tersebut. Selain itu, pelaburan dalam bidang nilai ditambah yang tinggi seperti bahan canggih berteknologi tinggi, optik & fotonik, petrokimia dan farmaseutikal dijangka akan menarik lebih ramai pelabur.

Penggunaan awam diunjurkan kekal sederhana pada 2.0% pada tahun 2019, sejajar dengan langkah konsolidasi fiskal. Kerajaan akan terus menjalankan amalan perbelanjaan secara optimum dengan memberi penekanan kepada pengurangan pembaziran dan ketirisan tanpa menjejaskan penyampaian perkhidmatan awam. Sementara itu, **pelaburan awam** dianggarkan menguncup sebanyak 8.1% pada tahun 2019 berikutan perbelanjaan modal yang lebih rendah oleh syarikat awam, khususnya dalam industri berkaitan minyak & gas. Perbelanjaan pembangunan oleh Kerajaan akan tertumpu kepada sektor ekonomi dan sosial, terutamanya disalurkan untuk sistem pengangkutan, tenaga & kemudahan awam serta pendidikan dan penjagaan kesihatan.



Dari segi **penawaran**, semua sektor ekonomi akan terus berkembang dengan sektor perkhidmatan dan pembuatan menjadi penyumbang utama pertumbuhan. Pertumbuhan dalam sektor pertanian diunjur mencatatkan pengembangan pada tahun 2019 susulan pengeluaran minyak sawit dan getah asli yang lebih tinggi. Sementara itu, pertumbuhan dalam sektor perlombongan akan kembali pulih pada tahun 2019, disokong oleh pengeluaran gas asli yang lebih tinggi. Pertumbuhan sektor pembinaan dianggarkan sederhana, disokong terutamanya oleh segmen kejuruteraan awam.

Meskipun pertumbuhan ekonomi global dan prestasi perdagangan adalah perlahan, **sektor luaran** Malaysia dijangka kekal berdaya tahan. Secara keseluruhan pada tahun 2019, akaun semasa imbangan pembayaran diunjurkan meningkat dan terus mencatat lebih sebanyak RM43.4 bilion atau 2.9% daripada Pendapatan Negara Kasar (PNK) susulan peningkatan eksport bersih barangan dan perkhidmatan. Tambahan lagi, eksport kasar dianggarkan berkembang secara marginal manakala import kasar akan menguncup pada tahun 2019 kerana ia terjejas oleh barangan modal berikutan aktiviti pelaburan yang lebih rendah.

Inflasi keseluruhan pada tahun 2019 dijangka meningkat sebanyak 0.9%, sebahagiannya disebabkan oleh pelaksanaan levi pelepasan yang berkuat kuasa pada September 2019. Walau bagaimanapun, impak yang minimum ke atas inflasi keseluruhan adalah dijangka berikutan pengenalan cukai gula pada Julai 2019 walaupun ia mempunyai pemberat yang agak kecil dalam bakul Indeks Harga Pengguna (IHP). Melangkah ke hadapan, trajektori prospek inflasi akan bergantung kepada pergerakan kadar pertukaran asing dan ketidakpastian harga minyak global akibat ketegangan perdagangan dan geopolitik.



Dasar monetari pada tahun 2019 akan terus tertumpu kepada usaha untuk menyokong pertumbuhan ekonomi dalam persekitaran inflasi yang rendah dan keadaan kewangan yang stabil. Selain itu, pasaran kewangan dan kadar pertukaran asing serta aktiviti pengantaraan dijangka kekal kukuh dan meneraju operasi kewangan. Didorong oleh mudah tunai yang mencukupi dan penampungan modal yang kukuh, sektor perbankan dijangka kekal pesat dan teratur. Pasaran modal juga akan berdaya tahan, dipacu oleh pembangunan infrastruktur dan instrumen yang baik. Meskipun jangkaan adalah positif, ketidakpastian luaran termasuk kadar pertumbuhan global, ketegangan perdagangan Amerika Syarikat-China serta ketidakpastian pasaran kewangan global mungkin memberi kesan terhadap prestasi perbankan dan pasaran modal.

Dasar fiskal pada tahun 2019 akan tertumpu dalam memperkukuh kedudukan fiskal Kerajaan melalui konsolidasi fiskal secara beransur-ansur di samping terus menyokong pertumbuhan, mengurangkan hutang dan liabiliti serta menggalakkan ekonomi yang inklusif. Sehubungan itu, haluan konsolidasi digariskan dengan baki fiskal yang disasarkan pada -3.4% dan -3.2% daripada KDNK, masing-masing untuk tahun 2019 dan 2020, disokong oleh beberapa inisiatif pembaharuan fiskal termasuk meningkatkan keberkesanan perbelanjaan, mempelbagai dan memperluas asas hasil serta menggalakkan pengurusan hutang secara holistik dan telus.

